

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JUN 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10

Ramai sukar simpan RM1,000

Ramai sukar simpan RM1,000

FOTO: MOHD RAFFO REDZUAN HAMZAH

84 peratus rakyat Malaysia tiada simpanan bulanan berdasarkan FEN

Oleh **DIANA AZIS SUNGAI BULOH**

Sebanyak 52 peratus rakyat Malaysia sukar untuk menyimpan RM1,000 bagi kegunaan kecemasan berdasarkan kaji selidik Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN). Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir berkata, jumlah itu berdasarkan daripada 84 peratus pencarum yang hanya menyimpan secara tetap untuk jangka pendek sebelum dikeluarkan semula pada hujung bulan bagi menampung perbelanjaan harian.

"Selain itu, 76 peratus rakyat Malaysia mempunyai belanjawan tetapi tidak semua benar-benar mematuhi belanjawan itu," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Aplikasi Belanjawanku 2022/2023 di Menara KWSP pada Selasa.

KWSP merupakan ahli FEN yang mengendalikan kajian berkenaan menerusi data Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 hingga 2023. Mengulas mengenai inisiatif Belanjawanku, Ahmad Badri berkata, aplikasi yang dibangunkan dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC) Universiti Malaya itu menyediakan anggaran perbelanjaan bulanan minimum bagi pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan mengikut kadar isi rumah berbeza.

Justeru, beliau menyifatkan inisiatif berkenaan mampu membantu rakyat untuk merancang kewangan dan perbelanjaan dengan lebih berhemah.

"Sebagai projek rintis, panduan ini dibangunkan pada tahun 2019 untuk pengguna di Lembah Klang sahaja. Namun kini panduan Belanjawanku diperluaskan untuk kegunaan pengguna di 11 kawasan utama di seluruh negara seperti Johor Bahru, Alor Setar dan Kuching.

"Sehingga Mei lalu, aplikasi Belanjawanku merekodkan 12,000 jumlah muat turun," katanya.

Sementara itu, Pengarah SWRC, Profesor Datuk Dr Norma Mansor berkata, faktor tahap celik kewangan yang rendah serta peningkatan kos sara hidup menjadi punca rakyat Malaysia mempunyai simpanan rendah selain hutang tinggi dan kebankrapan dalam kalangan belia.

"Aplikasi Belanjawanku memainkan peranan sebagai panduan untuk perancangan kewangan dan pengurusan hutang individu selain mengesyorkan jumlah simpanan untuk kegunaan masa depan.

"Pembuat dasar juga boleh menggunakan Belanjawanku sebagai penanda aras dalam menangani isu kos sara hidup, parti kuasa beli dan membasmi kemiskinan," katanya.

Ahmad Badri (dua dari kiri) ketika Majlis Pelancaran Belanjawanku 2022/2023 dan Aplikasi Belanjawanku yang dirasmikan oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli (tengah) pada Selasa.